

06 JAN 2003

Mahathir-Rasuah/I

RASUAH TETAP TIDAK DAPAT DITERIMA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata amalan rasuah tidak dapat diterima oleh masyarakat Malaysia.

Beliau berkata, amalan rasuah masih berlaku pada tahap tertentu di negara ini tetapi rasuah tidak dapat diterima oleh masyarakat.

"Kita tidak mempunyai pentadbir dan kakitangan awam yang mengamalkan rasuah, dan adalah penting budaya ini terus kekal bersama kita," katanya ketika berucap pada majlis perdana keempat Perkhidmatan Awam dan majlis perasmian Pusat Teknologi Pengurusan Institut Tadbiran Awam (Imatec) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata ini adalah penting semasa kerajaan terus menaikkan taraf keupayaan pentadbirannya yang akan membolehkan negara dan ekonomi maju, seterusnya membolehkan kerajaan menjana lebih banyak pendapatan bagi pembangunan.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia tidak lagi dilihat sebagai sebuah negara membangun.

Masyarakat antarabangsa, katanya, telahpun mengiktiraf yang Malaysia sudahpun menjadi sebuah negara maju.

Perdana Menteri berkata kakitangan awam boleh menikmati kenaikan dalam gaji jika negara terus makmur.

"Kita akan menaikkan gaji kakitangan awam tetapi kerajaan akan melakukannya secara berhemah," kata beliau.

Dr Mahathir berkata keupayaan kerajaan untuk membayar adalah penting. "Kita tidak akan membayar gaji besar hanya kerana terdapat desakan ataupun kos hidup yang tinggi."

Kerajaan, katanya, tidak mahu berhutang selama-lamanya, meminjam wang untuk terus hidup sehingga ia menghadapi masalah untuk membayar balik hutangnya seperti negara lain.

"Jika kita bayar lebih daripada apa yang kita mampu, akan berlaku inflasi di negara ini...kuasa membeli dengan gaji yang lebih tinggi sebenarnya berkurang kerana harga barangan yang terus meningkat," katanya.

Oleh sebab itu, kerajaan telah mengamalkan dasar mengawal harga barangan.

-- BERNAMA

MFZ AHH RM PR